

01/11/2003

Penduduk Kepala Batas berbangga

BUTTERWORTH: Penduduk di negeri ini terharu dan berbangga apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima secara rasmi, semalam.

Tinjauan Berita Harian di Pekan Kepala Batas, tempat kelahiran Abdullah, semalam mendapati penduduknya begitu mengikuti dengan penuh minat penyerahan kuasa Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Abdullah.

Pekerja swasta, Zakaria Ismail, 45, berkata beliau berbangga kerana anak kelahiran Kepala Batas kini menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Katanya, pekan Kepala Batas sebelum ini yang tidak begitu membangun, sekarang begitu pesat dan berharap lebih banyak pembangunan akan dilaksanakan pada masa depan.

Bekas guru, Hasnah Hamid, 60, berkata, bukan mudah untuk melaksanakan peralihan kuasa, jika tiada keamanan dan pembangunan yang dicapai sebelum ini.

"Oleh itu, sekarang masyarakat daripada pelbagai kaum perlu terus bersatu padu dan menyokong kepemimpinan yang baru," katanya.

Bagi pekerja Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang, M Balachandran, 41, sebagai penduduk Kepala Batas, beliau rasa sangat bertuah kerana Abdullah dilantik sebagai Perdana Menteri.

"Penduduk di sini amat gembira kerana Abdullah kini menjadi Perdana Menteri Malaysia," katanya.

Usahawan perabot, Ho Ching Aun, 54, berkata, pelbagai kemudahan termasuk urusan membayar cukai tanah sudah disediakan di kawasan berkenaan untuk faedah orang ramai.

"Sebagai peniaga, saya ingin melihat Kepala Batas lebih maju pada masa depan dan penduduk di sini sama-sama menikmati hasilnya," katanya.

Sementara itu, di Georgetown, pasangan suami isteri, Albert dan Elizabeth Khoo, yang masing-masing berusia 65 dan 61 tahun, menganggap Dr

Mahathir sebagai pemimpin terbaik di rantau ini kerana berjaya membawa pembangunan, keamanan dan perpaduan di Malaysia.

Mereka bersyukur menjadi rakyat Malaysia kerana mereka bebas bergerak ke sana sini untuk bergaul di samping mengamalkan kepercayaan masing-masing tanpa ragu atau bimbang.

"Di sini ada semuanya. Di sinilah kita bebas hidup, makan dan bekerja beramai-ramai dalam harmoni," kata Elizabeth.

Bagi penjual apom manis dan pisang goreng, Uan Cheng Guan, 55, pengalamannya hidup di bawah pemerintahan tiga perdana menteri memberikannya peluang untuk memilih Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri Terbaik.

Katanya, cara Dr Mahathir mentadbir negara menjadikan setiap rakyat

dari

pelbagai asal dan keturunan berasa bangga untuk menjadi warga Malaysia.

Silatul Rahim Dahaman, 35, bersyukur kerana peralihan kuasa antara Dr Mahathir dan Abdullah berlaku dalam suasana tolak ansur dan teratur..

Seorang lagi anggota masyarakat Orang Kurang Upaya (OKU) yang cacat penglihatan, Haizir Zakaria, 20, melahirkan harapan agar nasib dirinya dan

rakan seperjuangan akan terus mendapat pembelaan dalam tempoh pimpinan Abdullah kelak.

Beliau berasa bertuah kerana berkesempatan mengalami detik bersejarah itu dalam usia yang muda kerana peristiwa berkenaan tentunya akan terus menjadi bahan utama perbualannya pada masa akan datang.

Regina Leelawathi, 28, dari Kulim, Kedah, percaya Dr Mahathir mempunyai

tenaga dan keupayaan untuk meneruskan perkhidmatannya biarpun sudah bersara.

Bagaimanapun, beliau yakin Dr Mahathir akan tetap berada rapat dengan rakyat biarpun bukan lagi menjadi Perdana Menteri lagi.